

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 18 MAC 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	TAWAR MUSANG KING, TARIK PELANCONG CHINA, NEGARA, KOSMO -4 TELITI CADANGAN WUJUD TKPR KALABAKAN, NASIONAL, SH -40 KALABAKAN MAMPU JADI HAB PENGELUARAN DAGING, NEWS, BERITA HARIAN (SABAH AND SARAWAK) -1 KAJI WUJUD TKPR DI KALABAKAN, NEWS, HARIAN METRO (SABAH AND SARAWAK) -3 PAPAR DESTINASI AGRO-PELANCONGAN, NEWS, HARIAN MATRO (SABAH AND SARAWAK) -3 USAHAWAN MODEN PERLU KOMPETITIF, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -E2 COLLABORATION BETWEEN THE AGRICULTURE MINISTRY AND TOURISM MINISTRY TO ATTRACT CHINESE, CENTRAL, CHINA PRESS -C3 MINISTRY TO LOOK INTO PROPOSED ESTABLISHMENT OF RUMINANT SITES IN KALABAKAN, HOME, BORNEO POST (KK) -3 MOA, MOTAC TO COLLABORATE ON TOURISM PACKAGES FOR CHINESE TOURISTS, NEWS, BORNEO POST ONLINE -6 SALAHUDDIN TURUN BENDANG PENUHI HASRAT MAKCIK SITA, PERISTIWA, MINGGUAN AMANAH -30 DULU JURUTERBANG, KINI USAHAWAN, GEN K, KOSMO -27	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
12. 13. 14.	JPP KOMPAUN, RAMPAS PERALATAN JIKA TANGKAP IKAN TAMALIAN, SETEMPAT, HM -24 PENTERNAK PATIN TERJEJAS AKIBAT CUACA PANAS, DALAM NEGERI, UM -10 FORMER LORRY DRIVER REAPS LUCRATIVE INCOME FROM SOFT-SHELL CRAB BREEDING, HOME, BORNEO POST (KK) -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
15. 16.	FAMA PASARKAN ROSELLE DI SINGAPURA, NASIONAL, SH -40 FAMA PASARKAN ROSELLE DI SINGAPURA SELEPAS AUSTRALIA, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
17. 18. 19. 20. 21. 22.	DURIAN MUSANG KING DAYA TARIKAN PAPAR, NEWS, BERITA HARIAN (SABAH AND SARAWAK) -1 REZEKI SAYUR DI KELILING RUMAH, MEGA AGRO, UM -28 UPM BANTU MASYARAKAT MENERUSI PEMINDAHAN TEKNOLOGI, MEGA AGRO, UM -29 ZON AKUAKULTUR DI DANAU TOK UBAN, NEGERI, HARAHAH -N13 LEMBU 'HYBRID' KELANTAN DIMINATI PENTERNAK, NEGERI, HARAHAH -N14 JELAPANG PADI TERENGGANU AKAN DIREALISASIKAN, FOKUS, HARAHAH -F4	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2019	KOSMO	NEGARA	4

# Tawar Musang King, tarik pelancong China

**TAWAU** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) ber-cadang mewujudkan pakej pelancongan menarik dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya bagi menarik lebih ramai pelancong China ke Malaysia.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pakej pelancongan yang dibentuk itu termasuk menikmati hidangan Musang King di negara ini.

“Saya ada bincang dengan Menteri Pelancongan (Datuk Mohamaddin Ketapi) supaya kedua-dua kementerian bekerjasama dan melaksanakan satu kempen besar-besaran bagi menarik lebih ramai pelancong China ke Malaysia dan kita tahu mereka suka makan Musang King.

“Mereka tidak akan melancong sehari sahaja, mesti lima atau enam hari di Malaysia, dan bila mereka datang

untuk makan Musang King, industri durian kita bertambah maju dan sektor lain pun boleh tumpang daripada kehadiran pelancong China ini,” katanya.



**SALAHUDDIN**

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Kalabakan yang bernilai lebih RM1.6 juta di Kampung Merotai Besar, Batu 25, Jalan Merotai di sini semalam.

Durian bukan lagi setakat raja buah tetapi kedudukannya telah meningkat sehingga menjadi bilateral diplomasi antara Malaysia dan China.

Dalam pada itu, Salahuddin menyambut baik usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah untuk melaksanakan perladangan tanaman durian Musang King di tanah seluas 5,000 hektar di Tawau.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	40

## Teliti cadangan wujud TKPR Kalabakan

TAWAU - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan melihat serta meneliti cadangan mewujudkan Tapak Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) dalam Parlimen Kalabakan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, penelitian itu sekali gus mengambil kira penyediaan kawasan tanah yang luas dan bersesuaian, selain peruntukan yang boleh disalurkan pihak kementerian.

"Saya yakin Kalabakan boleh jadi salah satu hab pengeluaran daging tempatan masa akan datang.

"Sekiranya Kalabakan boleh menyambut dan meneruskan inisiatif (sasaran), kita akan memikirkan cara membantu (mewujudkan TKPR)," katanya selepas merasmikan Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kalabakan bernilai lebih RM1.6 juta di tanah seluas dua hektar di Kampung Merotai Besar di sini, semalam.

Terdahulu, Ahli Parlimen Kalabakan, Ma'mun Sulaiman mencadangkan



Salahuddin (dua, kanan) melihat beras keluaran Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kalabakan, semalam.

TKPR yang memfokuskan kepada pengeluaran ternakan ruminan seperti lembu, kerbau, kambing, biri-biri dan rusa diwujudkan di Parlimen Kalabakan.

Cadangan itu katanya, kerana kawasan tanah dalam Parlimen itu masih luas dan sesuai untuk pembinaan TKPR.

"Sebagai makluman, di Kalabakan ini tersedia kawasan ragut di Pulau Sebatik dengan keluasan 120 hektar tanah di bawah Jabatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Negeri Sabah

dan cadangan penggunaan tanah ini boleh dipanjangkan kepada kerajaan negeri," katanya.

Sementara itu, Ma'mun turut memohon agar 50 unit Kios Makanan Bergerak (MFK) diperuntukkan untuk belia dalam Parlimen Kalabakan.

"Ramai belia mohon diwujudkan kawasan berniaga di Merotai Besar ini, dengan adanya MFK ini sedikit sebanyak beri peluang kepada belia meningkatkan pendapatan mereka," katanya. - Bernama

Headline	Kalabakan mampu jadi hab pengeluaran daging		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah and Sarawak)		
Date	18 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	1,506
Page No	1	Readership	4,518
Language	Malay	ArticleSize	254 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,401
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,203



## Kalabakan mampu jadi hab pengeluaran daging

**Tawau:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedia mengkaji cadangan mewujudkan Tapak Kekal Pengeluaran Bumih di Parlimen Kalabakan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pihaknya akan meneliti secara terperinci cadangan itu termasuk mengenal pasti kawasan sesuai, selain pertuntukan yang bakal disalurkan.

Beliau berkata, apabila dilaksanakan kelak, projek itu mampu meningkatkan pengeluaran daging tempatan sehingga 30 peratus.

**Mampu jadi hab pengeluaran**  
"Saya yakin jika Kalabakan mampu memulakan dan merealisasikan cadangan ini, ia akan muncul sebagai salah satu hab pengeluaran daging tempatan di negara ini pada masa

akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan bangunan baharu Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kalabakan bernilai RM1.6 juta, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Junz Wong dan Pembantu Menterinya, Dr Daud Yusof; Ahli Parlimen Kalabakan, Ma'mun Sulaiman serta Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mazlan Aliman.

Sementara itu, mengulas keadaan kemarau di seluruh negara, beliau berkata, kementeriannya sudah merangka pelan kecemasan termasuk menyalurkan pam air kepada petani bagi menyelamatkan tanaman padi diusahakan mereka.



**Salahuddin bersama Junz Wong** selepas melancarkan bangunan baharu Pejabat PPK Kalabakan di Tawau, semalam.

Headline	Kaji wujud TKPR di Kalabakan		
MediaTitle	Harian Metro (Sabah and Sarawak)		
Date	18 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3,028
Page No	3	Readership	9,084
Language	Malay	ArticleSize	94 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,497
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,492



## Tawau

### Kaji wujud TKPR di Kalabakan

Kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedia mengkaji cadangan untuk mewujudkan Tapak Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) di kawasan Parlimen Kalabakan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata pihaknya akan meneliti secara terperinci cadangan itu termasuk mengenal pasti kawasan sesuai, selain peruntukan yang bakal disalurkan.

Apabila dilaksanakan kelak katanya, projek itu mampu meningkatkan pengeluaran daging tempatan sehingga 30 peratus.

“Saya yakin jika Kalabakan mampu memulakan dan

merealisasikan cadangan ini, ia akan muncul sebagai satu daripada hab pengeluaran daging tempatan di negara ini pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan bangunan baharu Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kalabakan bernilai RM1.6 juta, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Junz Wong dan Pembantu Menterinya, Dr Daud Yusof; Ahli Parlimen Kalabakan, Ma'mun Sulaiman serta Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mazlan Aliman.

Headline	Papar destinasi agro-pelancongan
MediaTitle	Harian Metro (Sabah and Sarawak)
Date	18 Mar 2019
Section	News
Page No	3
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily

Color	Full Color
Circulation	3,028
Readership	9,084
ArticleSize	74 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,179
PR Value	RM 3,536



## Papar

### Papar destinasi agro-pelancongan

Kerajaan negeri mahu daerah ini dibangunkan sebagai lokasi agro-pelancongan, termasuk bagi penanaman durian Musang King yang semakin mendapat permintaan tinggi.

Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri, Datuk Aidi Moktar berkata, daerah Papar khususnya di Kampung Kelatuan mempunyai kawasan tanah subur dan kedudukannya strategik, selain memiliki pemandangan indah untuk menarik kunjungan pelancong.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Manis berkata, hasrat itu mampu direalisasikan menerusi perancangan syarikat pengusaha tanaman durian Musang King, Neways Century Sdn Bhd (NWC) untuk membina mini resort dan inap desa di kawasan ladang durian.

“Saya akan membincangkan perkara ini bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan negeri untuk membangunkan sektor agro-pelancongan di Papar,” katanya.

Headline	Usahawan moden perlu kompetitif		
Media Title	Utusan Sarawak		
Date	18 Mar 2019	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E2	Readership	113,943
Language	Malay	Article Size	537 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	Ad Value	RM 1,757
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,272



# Usahawan moden perlu kompetitif



**TUMPUAN** Orang ramai mengunjungi Pameran Biosahawan 2019 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini. Foto BERNAMA

**KUALA LUMPUR:** Malaysia perlu membentuk usahawan moden dan kompetitif dalam sektor pertanian yang mampu mempelbagaikan hasil pengeluaran mereka, menghasilkan produk bernilai tinggi dan meningkatkan pendapatan.

Menkerti Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub berkata bagi lujuan itu para petani, nelayan dan penanam lempayan perlu berusaha mengubah minda, menjadi lebih terbuka dan sanggup menerima pembaharuan.

"Mereka juga perlu berani mengambil risiko dan mencuba teknik-teknik terbaru yang berinovasi dalam usaha memaksimumkan keuntungan, meminimalkan kerja, dan meningkatkan perniagaan," katanya dalam ucapan beliau di majlis persembahan BioUsahawan 2019 yang dianjurkan bersama pihak Kementerian dan Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corp) di sini baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh timbalannya, Sim Tze Tzin.

BioUsahawan 2019 yang bermula esok, dilihat menjadi platform strategik bagi memajukan keseluruhan sektor pertanian Malaysia kearah menjadi lebih moden, mampan dan kompetitif.

Salahuddin berkata aspek perkongsian juga penting bagi kejayaan seseorang usahawan kerana beliau memerlukan bantuan serta latihan dalam menjalankan perniagaan termasuk mencipta modal perniagaan, menggunakan teknik-teknik moden dan membawa hasil mereka ke pasaran.



**LEMBAGA** Perindustrian Nenas Malaysia antara yang terlibat Pameran Biosahawan 2019 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini. Pameran berlangsung pada 15 hingga 16 Mac dan terdapat 100 gerai mewakili 80 syarikat yang terlibat dalam Biosahawan 2019. Foto Bernama

"Kita harap petani kita, nelayan dan penernak, sedar mengenai potensi besar yang mereka miliki. Kita percaya mereka dapat membaiki pendapatan dan juga kehidupan mereka menerusi perniagaan," katanya.

Acara BioUsahawan menyediakan peluang buat para usahawan berkenaan dan segi pembiayaan, pertuisan perniagaan, akses pasaran tempatan dan antarabangsa, kolaborasi strategik, pameran teknologi, pengenalan jenama, dan pengkomersialan produk.

"Berebakalkan kelajaman per-

niagaan dan kemahiran keusahawanan, petani, nelayan dan penanam lempayan boleh menjadi pengusaha berorientasikan pasaran, bukan sahaja untuk membuat keuntungan berdasarkan permintaan, tetapi juga menyediakan bekalan makanan, tenaga dan bahan-bahan yang mencukupi kepada rakyat," kata Salahuddin.

Acara hari ini juga menyaksikan pelancaran produk oleh enam syarikat berstatus BioNexus, perlakuan dokumen dan pelancaran model Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi 2.0 - Bernama

Headline	Collaboration between the Agriculture Ministry and Tourism Ministry to attract Chinese		
MediaTitle	China Press		
Date	18 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Central	Circulation	233,713
Page No	C3	Readership	1,076,000
Language	Chinese	ArticleSize	240 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,734
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,202



農長

農業部與旅遊部合作  
以榴槤吸引中國遊客



■沙拉胡丁阿育（右）与加拉峇干农民组织成员互动。

（斗湖17日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育透露，该部将与旅游、艺术与文化部合作推出吸引中国游客来马的旅游配套，当中包括让这些游客品尝价格高昂的“猫山王”榴槤。

他说，他已和旅游、艺术与文化部长拿督莫哈末丁可达比讨论此事，并得知中国

游客对“猫山王”榴槤爱不释手一事。

沙拉胡丁阿育是在今日推介加拉峇干农民组织办事处后，如是指出。

“这些中国游客不会只逗留一天，可能是5天至6天左右，相信他们来马品尝‘猫山王’榴槤后，相关领域将大有增长，其他领域也能从中分一杯羹。”



Headline	Ministry to look into proposed establishment of ruminant production sites in Kalabakan		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	18 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	19,988
Page No	3	Readership	59,964
Language	English	ArticleSize	330 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,840
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,520



Salahuddin (second right) during a visit to Kalabakan padi factory at Merotai Besar. - Bernama photo

## Ministry to look into proposed establishment of ruminant production sites in Kalabakan

**TAWAU:** The Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry will look into the proposal to establish a Permanent Ruminant Production Site (PRPS) in the Kalabakan parliamentary constituency.

Its minister, Datuk Salahuddin Ayub said the study would take into account the provision of vast and appropriate land as well as the allocation required from the ministry.

"I am confident Kalabakan can become one of the local meat production hubs in the future and this will further help Malaysia achieve the target of exporting 30 per cent of the (meat) output overseas (by 2030) as we now are at 24 per cent. "If Kalabakan can accept and further the initiative (towards achieving the target) we will think of ways to help (by establishing the PRPS)," he said.

He was speaking to reporters

after opening the Kalabakan Farmers' Organization worth more than RM1.6 million, situated on five acres of land in Kampung Merotai Besar here yesterday.

Earlier, Kalabakan MP Ma'mun Sulaiman proposed that a PRPS focusing on ruminants such as cows, buffaloes, goats, sheep and deer should be established in the constituency as there was a vast amount of land suitable for the purpose.

Headline	MOA, MOTAC to collaborate on tourism packages for Chinese tourists		
MediaTitle	Borneo Post Online(www.theborneopost.com)		
Date	18 Mar 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	6	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,150

## MOA, MOTAC to collaborate on tourism packages for Chinese tourists

TAWAU: The Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry plans to create exciting tourism packages in collaboration with the Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC) to attract more Chinese tourists to Malaysia.

Agriculture and Agro-based Industry...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2019	MINGGUAN AMANAH	PERISTIWA	30



## Salahuddin turun bendang penuh hasrat Makcik Sita

*MENYANTUNI* Salahuddin makan bersama Makcik Sita sambil mendengar keluhan serta nasib para pesawah di kampung mereka.

Oleh **NASUHA RAHMAN**  
Foto **FACEBOOK SALAHUDDIN AYUB**

**S**EMINGGU yang lalu heboh di media sosial apabila seorang pesawah yang dikenali sebagai Sita Mat Jidin, 72, yang merungut tentang agihan baja dan racun subsidi padi yang lambat sampai.

Keluhan kisah Makcik Sita dan lebih 100 pesawah di Seberang Perak itu mendapat liputan akhbar apabila mereka bertindak berkumpul bagi mendesak kerajaan mempercepatkan agihan baja dan racun subsidi. Dalam masa yang sama nenek kepada lapan orang cucu ini juga menyatakan hasrat mahu bertemu sendiri dengan Menteri Pertanian untuk meluahkan masalah mereka.

Makcik Sita yang mengusahakan 20 ekar atau hampir sembilan hektar sawah tetapi kini tidak lagi kerana dikatakan tidak menerima subsidi baja penuh.

"Saya kecewa kerana kami tidak pernah menghadapi masalah ini ketika kerajaan sebelum ini, malah awal-awal lagi kami sudah menerima subsidi baja penuh," katanya.

5 Mac lalu, kepuasan jelas terpancar di raut wajah Makcik Sita dan kawan-kawannya apabila Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub sendiri turun padang bersama pegawai tinggi kementerian di dalam satu program khas penyerahan baja dan racun kepada mereka di Seberang Perak.

Di dalam pertemuan itu, Salahuddin turut berjanji bahawa subsidi baja padi tidak akan dipotong, cuma mungkin ada penghantaran baja dan racun yang agak lambat sedikit.

"Ingin saya tegaskan bahawa penghantaran baja pada masa akan datang akan diper-

baiki dan bantuan akan sampai dengan lebih awal.

"Tidak timbul isu pengurangan subsidi kerana saya akan pertahankan dalam kabinet untuk belanjawan tahun hadapan agar belanjawan lebih besar.

"Ini kerana pesawah adalah benteng negara kedua selepas anggota tentera dan polis. Saya memberikan jaminan selagi kami ada di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), kami akan membela nasib pesawah ini.

"Doalah ekonomi makin pulih, saya rasa akan lebih banyak kita boleh beri kepada para petani," jelas Salahuddin.

Katanya, kelewatan yang berlaku sebelum ini adalah kerana kementerian perlu menunggu kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan untuk menyambung kontrak Skim Insentif Pengeluaran Padi kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Terdahulu, 1 Mac lalu lebih 100 pesawah di sini mengadakan perhimpunan mendesak kerajaan memberikan semula subsidi baja sepenuhnya seperti sebelum ini.

Mereka mewakili 4,270 pesawah di kawasan jelapang padi Seberang Perak di sini yang kecewa kerana tidak lagi menerima dua komponen dalam subsidi baja iaitu baja tambahan NPK dan bantuan input pertanian iaitu racun serangga dan racun rumpai.

Pesawah berkata, setakat ini mereka hanya menerima baja sebatian atau campuran dan baja urea, manakala baja tambahan NPK dan racun rumpai belum diterima.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan agihan bantuan baja tambahan nitrogen, fosforus dan kalium (NPK) serta racun akan diagihkan kepada 322,000 pesawah seluruh negara sebelum hujung minggu ini.



*Kepuasan jelas terpancar di raut wajah Makcik Sita dan kawan-kawannya apabila Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri turun padang.*



*Sebanyak 53,708 beg bantuan baja tambahan NPK dan racun bernilai keseluruhan RM1.7 juta diagihkan kepada petani di kawasan Seberang Perak membolehkan seramai 4,270 peterng.*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2019	MINGGUAN AMANAH	PERISTIWA	31



Para pesawah yang mengadakan perhimpunan menuntut kerajaan memberikan semula subsidi baja sepenuhnya di Seberang Perak pada 1 Mac lalu.



Salahuddin Ayub bersama petani di Seberang Perak bagi program Bantuan Baja dan Pasukan Keselamatan Petani di Bawah Naungan Pelbagai Pelbagai Kawasan Seberang Perak 5 Mac lalu.



Makcik Sita telah mengajak Salahuddin untuk melihat sendiri bendangnya dan beliau berkesempatan untuk turun ke bendang Makcik Sita yang diusahakan.



Hampir 100 pesawah di Seberang Perak mengadakan pertemuan bersama Salahuddin Ayub bagi menerima subsidi baja penuh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2019	KOSMO	GEN K	27

# Dulu juruterbang, kini usahawan tani

**S**IAPA sangka daripada kerjaya terbang tinggi di langit biru kini bergelar usahawan muda pertanian.

Ramana K. Naidu, 29, pernah menjadi juruterbang berpangkalan di Bangkok, Thailand dan kini dia memandu jentera penuai di ladang jagungnya yang berkeluasan hampir 80 hektar di Kuala Muda, Kedah.

Anak muda itu meninggalkan kerjaya sebagai juruterbang pada 2012 berikutan krisis di negara jiran berkenaan.

- Dia melibatkan diri dalam sektor pertanian kerana minat. Bermula dengan mengusahakan kacang panjang, kini dia berjaya memperoleh hasil pertama berjumlah RM14,000.

Ikuti temu bual *Kosmo!* bersama Ramana yang memperoleh pelbagai anugerah dalam bidang tersebut.

## LIMA soalan



RAMANA (kiri) memiliki keluasan tanah 81 hektar ladang jagung yang diusahakan di Merbok, Kuala Muda, Kedah.

### 1. Boleh ceritakan bagaimana saudara boleh terlibat dalam bidang pertanian?

SEJAK meninggalkan kerjaya sebagai juruterbang pada tahun 2012 di Thailand, saya pulang ke Malaysia untuk mencari pekerjaan.

Katika itu, saya bertemu dengan seorang rakan lama yang mengusahakan tanaman pokok bunga mawar. Memandangkan

pendapatan yang diperoleh agak lumayan, saya tergerak hati untuk mencuba bidang pertanian. Tanaman pertama yang saya usahakan ialah kacang panjang di kawasan seluas 0.2 hektar.

Saya teruja apabila pulangan keuntungan yang diperoleh pada masa itu ialah RM14,000. Sejak dari itu, saya tekad untuk lebih maju lagi dalam bidang pertanian.

### 2. Apakah inisiatif yang saudara ambil untuk mengembangkan projek pertanian anda?

DISEBABKAN mahu keuntungan lebih besar, saya memberanikan diri menceburi tanaman jagung. Pada tahun 2015, saya membuat kajian tentang jagung bijian yang merupakan salah satu import utama negara kita yang digunakan sebagai makanan haiwan. Hasil kajian mendapati Malaysia memang tiada tanaman bijian jagung secara komersial.

Selepas itu, saya mengambil keputusan untuk mengembara ke beberapa buah negara seperti Thailand, India dan China untuk menambahkan pengetahuan dalam bidang tersebut. Segala usaha itu berhasil apabila pada Julai 2016, Majlis Perasmian Projek Perintis Penanaman Jagung Bijian Secara Komersial Yang Pertama berlangsung di Kampung Sungai Batu, Merbok. Di situlah bermula perjalanan syarikat saya, Famox Plantation (M) Sdn. Bhd.



JENTERA yang digunakan bagi memudahkan proses penanaman jagung.

RAMANA (tiga dari kanan) menunjukkan hasil jagung yang ditanam.



### 3. Apakah cabaran sepanjang anda berkecimpung dalam bidang ini?

SETIAP pekerjaan mesti ada cabaran, begitu juga dalam bidang pertanian. Bidang ini bergantung kepada alam sekitar, jadi masalah cuaca dan iklim merupakan cabaran yang amat besar bagi kami.

Selain kesabaran yang tinggi, setiap petani harus mempunyai rancangan lain sekiranya mengalami bencana alam atau tanaman diserang haiwan. Masalah lain adalah kekurangan pekerja dan saya terpaksa mengambil pekerja asing.



RAMANA (kanan) menerima anugerah Ikon Agropreneur Muda 2018/2019 daripada MOA.

### 4. Antara anugerah yang pernah dapat dalam bidang ini?

SAYA mendapat lima anugerah dalam bidang pertanian ini. Terbaharu saya memperoleh Ikon Agropreneur Muda 2018/2019 daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Anugerah pertama yang saya peroleh ialah pada tahun 2014 iaitu Usahawan Tani Berjaya daripada MOA juga. Selain itu, Anugerah Utama Agro, Agropreneur Muda Jaya, Anugerah Entrepreneur Muda India Perdana.

### 5. Siapakah yang banyak memberi sokongan dan nasihat saudara kepada anak muda?

IBU dan bapa adalah tulang belakang saya untuk terus maju dalam bidang ini. Mereka tidak pernah putus asa memberi sokongan dan nasihat.

Selain itu Jabatan Pertanian Malaysia, Unit Agropreneur Muda,

MOA dan Agro Bank banyak memberi bantuan dan sokongan. Agensi-agensi tersebut banyak membantu dari segi dana dan tunjuk ajar pengurusan yang betul dalam bidang pertanian.

Nasihat saya pada anak muda, bidang ini menawarkan keuntungan yang lumayan, jadi buka mata dan fikiran untuk mengalami lubang emas ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	24



**AZAHARI** (kanan) menunjukkan induk ikan tamalian seberat 18kg di Pusat Pengembangan Akuakultur Perlok.

**Jerantut**

## **JPP kompaun, rampas peralatan jika tangkap ikan tamalian**

Jabatan Perikanan Pahang (JPP) mengeluarkan amaran keras kepada penduduk di Ulu Tembeling di sini, kerana didapati menangkap ikan tamalian atau *Prabarbus jullieni* bulan lalu.

Ikan itu yang boleh mencapai berat hingga 30 kilogram (kg) dilarang ditangkap bermula Februari hingga akhir bulan depan.

Pengarahnya, Azahari Othman berkata, pegawai penguat kuasa ada bertemu lelaki itu untuk siasatan sebelum mengambil tindakan undang-undang.

Namun pihaknya hanya memberi amaran keras kerana kekurangan bukti untuk mengheret lelaki itu ke mahkamah.

“Kegiatan menangkap

ikan tamalian di Sungai Pahang, Sungai Jelai dan Sungai Tembeling kini berleluasa setiap kali tiba musim bertelur kerana ikan itu lazimnya akan berada di kawasan cetek.

“Harga yang tinggi mencecah RM40 sekg membuatkan aktiviti itu berleluasa,” katanya ketika lawatan kerja ke Pusat Pengembangan Akuakultur Perlok di sini, semalam.

Beliau berkata, mengikut Peraturan Kaedah-Kaedah Perikanan (Perairan Sungai) 1991 Pahang, individu yang menangkap ikan tamalian dalam tempoh larangan boleh dikenakan kompaun RM100 dan peralatan menangkap ikan dirampas.

18/3/2019

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

10

## Penternak patin terjejas akibat cuaca panas

**TEMERLOH 17 Mac** - Sudahlah jualan merosot kesan daripada kejatuhan harga getah dan kelapa sawit, cuaca panas berlarut-larut turut meresahkan pengusaha penternak ikan patin dalam sangkar di daerah ini yang berhadapan risiko temakan mereka mati atau tidak dapat membesar dengan baik.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar Kampung Pangsenam di sini hari ini mendapati, cuaca panas berterusan menyebabkan ramai pengusaha mengosongkan sangkar masing-masing kerana air semakin cetek.

**Mohamad Rohaidi Ramli**, 38, berkata, cuaca panas berterusan menyebabkan Sungai Pahang semakin cetek sehingga sangkar ikannya menjejak tanah, malah ada kawasan yang sudah kering.



**HAFIZ HALIM mengutip bangkai ikan dari dalam sangkarnya di Temerloh, Pahang semalam.**

Dia yang turut menjual ikan patin di kampung berkenaan berkata terpaksa memindahkan ikan ke sangkar lain dan banyak

ikannya mati setiap hari.

"Ketika ini, hampir separuh daripada 30 sangkar ikan saya hampir kering dan terpaksa me-

mindahkan temakan ke sangkar lain. Cuaca panas berterusan menyebabkan purata 15 hingga 20 ekor ikan mati dalam satu sangkar setiap hari.

"Sudahlah jualan ikan kurang kerana penduduk yang bergantung kepada hasil getah dan kelapa sawit kurang pendapatan, keadaan panas berterusan menambah kesan yang kami hadapi," katanya.

Menurut Mohamad Rohaidi, jaluannya merosot sejak kejatuhan harga dua komoditi itu dengan hanya menjual purata 20 kilogram sehari berbanding lebih 50 kilogram sebelum ini. Dia memberitahu, kebanya-



**MOHAMAD ROHAIDI RAMLI**

tan, kos terpaksa mengeluarkan sangkar-sangkar ikan bagi mengelakkan ikan mati kerana kepanasan dan air yang semakin cetek.

"Setiap hari ada sahaja ikan yang mati. Jika air semakin cetek, saya akan melelong ikan yang ada dengan harga murah bagi mengurangkan kerugian," katanya.

kan membeli ikan patin pada masa ini adalah orang luar yang berkunjung ke daerah ini terutama pada hari minggu.

Dalam pada itu, seorang lagi penternak ikan patin **Hafiz Halim**, 33, berkata, pada masa ini 23 sangkar ikannya telah menjejak tanah.

"Saya terpaksa mengeluarkan kos tambahan untuk menutup sangkar-sangkar ikan bagi mengelakkan ikan mati kerana kepanasan dan air yang semakin cetek.

"Setiap hari ada sahaja ikan yang mati. Jika air semakin cetek, saya akan melelong ikan yang ada dengan harga murah bagi mengurangkan kerugian," katanya.

Headline	Former lorry driver reaps lucrative income from soft-shell crab breeding		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	18 Mar 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	19,988
Page No	3	Readership	59,964
Language	English	ArticleSize	141 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 393
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,179



## Former lorry driver reaps lucrative income from soft-shell crab breeding

**SANDAKAN:** Starting with just RM700 from his own pocket to breed soft-shell crabs in November 2013, a former lorry driver's persistence eventually earned him huge success in the business and is now reaping RM7,500 a month.

Suhaili Abdurahman, 39, from Kampung Bambangan near here was confident of the venture's potential and was determined to "stay the course".

"After finishing my Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, I tried to apply for work at a government department but was unsuccessful.

"But I like the sea and hoped to find a job which will bring me closer to the sea," he said.

He said this when met by reporters during a visit by Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub to Suhaili's soft-shell crab platform in his village yesterday.

A father of three, Suhaili got his inspiration to breed soft-shell crabs after seeing a friend farming crabs successfully and he also

acquired knowledge from surfing the internet.

He was then convinced he could do it even though he was working as lorry driver then.

"After seven months, I could see progress in my business and I injected RM3,500 of my own money to expand my business to 25 cages.

"In 2015, I took the decision to stop working as a lorry driver and devote full-time to the business," he said.

In 2017, Suhaili received sponsorship from the Fisheries Department via the Model Aquaculture Farmer Programme (PLAC) which provided a boat, engine, cage as well as a floating shed and course as well.

Now, he has 39 cages of soft-shell crabs as well as other marine produce such as mussels and fish like red snapper, spotted barb and grouper.

According to him, he sells between 200 to 500 kg of soft-shell crab a month to wholesalers and seafood restaurants around Sandakan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2019	KOSMO	NEGARA	16

## Fama pasarkan roselle di Singapura

**SINGAPURA** - Roselle, tumbuhan herba yang sinonim dengan Johor dan dieksport ke Australia, kini mula memasuki pasaran Singapura.

Roselle atau dikenali sebagai asam paya atau asam susur, diusahakan 100 petani di Johor di kawasan seluas 40 hektar dengan usahasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Tumbuhan yang kaya dengan kandungan Vitamin C dan antioksidan ini boleh digunakan untuk membuat minuman kordial, jem, halwa, roselle kering, jeli dan aiskrim.

Ahli Lembaga Pengarah Fama, Misdan Adam ketika ditemui pada program Halal Fest 2019 di sini berkata, setakat ini Fama mengeksport kira-kira 50 tan roselle ke Australia, manakala 50 tan lagi untuk pasaran tempatan.

Gimik pelancaran roselle turut diadakan bersempena pameran tersebut yang bermula Khamis di Pusat Konvensyen dan Pameran Ekspo, Changi.

Mengulas lanjut, Misdan berkata, jumlah pengeluaran semusim bagi tanaman itu berjumlah kira-kira 200 tan,



**Roselle kini memasuki pasaran Singapura.**

dengan nilai pengeluaran RM600,000.

Menurutnya, roselle bukanlah tanaman baharu, sebaliknya Fama ingin 'menghidupkannya' semula kerana yakin dengan potensi besar mampu dihasilkan melalui komoditi tersebut.

Sehingga kini, terdapat 100 petani dengan 22 orang daripadanya berdaftar dengan Program Ladang Kontrak MOA Inc Johor bagi mengusahakan ladang roselle di sekitar Batu Pahat, Mersing dan Rompin.

Produk hiran Roselle dijenamakan di bawah penjenamaan Agromas, jenama yang dibangunkan oleh Fama yang bertanggungjawab memasarkan produk tersebut. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	40

## FAMA pasarkan roselle di Singapura selepas Australia

**SINGAPURA** - Roselle, tumbuhan herba yang sinonim dengan Johor dan dieksport ke Australia kini mula memasuki pasaran Singapura.

Roselle atau lebih dikenali sebagai asam paya atau asam susur ini diusahakan oleh 100 petani di Johor di kawasan seluas 40 hektar dengan usahasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Tumbuhan yang kaya dengan vitamin C dan antioksidan ini boleh digunakan untuk membuat minuman kordial, jem, halwa, roselle kering, jeli dan aiskrim.

“Setakat ini FAMA telah mengeksport kira-kira 50 tan roselle ke Australia, manakala 50 tan lagi untuk pasaran tempatan,” kata Ahli Lembaga Pengarah FAMA Misdan Adam kepada *Bernama* ketika ditemui pada program Halal Fest 2019 di sini semalam.

Misdan memberitahu, jumlah pengeluaran semusim bagi tanaman Roselle ini berjumlah kira-kira 200 tan dengan nilai pengeluaran



**ROSELLE** kaya dengan vitamin C dan antioksidan.

sebanyak RM600,000.

“Pusat Memproses Makanan FAMA di Rengit, Johor mula membeli dan memproses bekalan roselle dari Terengganu apabila Bahagian Pembangunan Asas Tani mengambil inisiatif memasarkan produk hiliran berasaskan komoditi itu,” ujarnya.

Headline	Durian Musang King daya tarikan Papar		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah and Sarawak)		
Date	18 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	1,506
Page No	1	Readership	4,518
Language	Malay	ArticleSize	380 cm <sup>2</sup>
Journalist	Rafiqah Dahali	AdValue	RM 3,605
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,815



# Durian Musang King daya tarikan Papar

➔ Kerajaan Sabah mahu majukan daerah lokasi pelancongan pertanian

Oleh Rafiqah Dahali  
nnews@nstp.com.my

Papar

**K**erajaan Sabah mahu daerah ini dibangunkan sebagai lokasi pelancongan pertanian, termasuk bagi penanaman durian Musang King yang semakin mendapat permintaan tinggi.

Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri, Datuk Aidi Moktar, berkata Papar khususnya Kampung Kelatuan mempunyai tanah subur dan kedudukannya strategik, selain memiliki pemandangan indah untuk menarik pelancong.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Manis, berkata hasrat itu mampu direalisasikan menerusi perancangan syarikat pengusaha tanaman durian Musang King, Neways Century Sdn Bhd (NWC) untuk membina resort mini dan inap desa di ka-



[FOTO RAFIQAH DAHALI /BH]

**Shahril Azmir menyampaikan cenderahati kepada Aidi (kanan) selepas merasmikan pecah tanah Projek Usahawan Musang King Eco Farm NWC di Kampung Kelatuan, Papar, semalam.**

wasan ladang durian.

“Saya akan membincangkan perkara ini bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan negeri untuk membangunkan sektor pelancongan agro di Papar,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pecah tanah Projek Usahawan Musang King Eco Farm NWC yang turut dihadiri Pengasas NWC, Shahril Azmir Shariff di Kampung Kelatuan, di sini semalam.

Aidi berharap usaha itu

mampu menjadikan Papar antara pengeluar durian Musang King secara besar-besaran di Sabah, sekali gus membuka banyak peluang pekerjaan untuk belia tempatan.

## Tanam guna baja organik

Sementara itu, Shahril Azmir berkata, setakat ini pihaknya menanam enam pokok durian Musang King di ladang di Kampung Kelatuan dan lebih 400 lagi akan ditanam secara ber-

peringkat di tanah seluas kira-kira lapan hektar.

“Selain Musang King, kami akan menanam durian jenis Udang Merah di ladang ini dengan menggunakan baja organik mesra alam. Walaupun NWC berpangkalan di Shah Alam, kami melihat potensi besar Papar sebagai lokasi terbaik untuk pelancongan agro.

“Kedudukannya tidak jauh dari Kota Kinabalu dan pemandangan semula jadinya indah,” katanya.

18/3/2019

UTUSAN  
MALAYSIA

MEGA AGRO

28



POKOK herba antara tanaman yang banyak menghiasi kawasan rumah Hamdan Ahmad Sapli.

Oleh AZMI ABDUL MALEK  
azmi555448@gmail.com

**H**OBI menanam sayur di sekitar kawasan rumah boleh menghasilkan pendapatan bulanan yang lumayan sekiranya diusahakan bersungguh-sungguh dengan menggunakan teknologi terkini yang betul sekali gus dapat mengoptimalkan penggunaan tanah terbiar.

Usaha sedemikian bukan sahaja dapat mengisi masa lapang, malah memanfaatkan usia persaraan dengan kegiatan berfaedah di samping dapat memelihara kesihatan badan.

Hal ini dibuktikan oleh bekas anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Lumut, Perak yang juga pemilik firma Kitchen Garden di Batu 10, Lekir, Sitiawan, Perak. Pesara berkenaan, **Hamdan Ahmad Sapli**, 51 menanam pelbagai jenis sayur-sayuran dan herba di sekitar rumahnya tanpa mengeluarkan kos yang tinggi.

Beliau mengusahakan tanaman sayur-sayuran yang mudah ditanam dan mendapat permintaan tinggi daripada pelanggannya.

"Saya turut menanam pokok herba yang sering digunakan di dapur dan bahan perubatan tradisional pelbagai kaum.

"Ia dijual 10 peratus lebih rendah berbanding harga di pasar berdekatan," katanya ketika ditemui di Lekir, Sitiawan, Perak, baru-baru ini.

Hamdan berkata, perniagaannya dibuka setiap hari tanpa mengikut masa ditetapkan.

Menurutnya, pelanggannya boleh datang pada bila-bila masa kerana tanamannya berada di sekitar rumahnya sendiri.

"Pelanggan saya pernah datang pukul 11 malam kerana mahu membeli daun kunyit berikutan esoknya menyambut

Hari Raya Aidilfitri.

"Kebanyakan pelanggan adalah penduduk setempat dan rakan Facebook yang tinggal di sekitar Bandar Manjung, Sitiawan, Perak," ujarnya.

Hamdan menambah, kadangkala ada juga sekumpulan rombongan menaiki bas dari Taiping datang berkunjung bagi tujuan membeli sambil belajar cara



HAMDAN AHMAD SAPLI gembira menunjukkan tanaman herba tumbuh subur di kawasan rumahnya.

## Rezeki sayur di keliling rumah



SEORANG pelawat Siti Zabidah Setia menunjukkan hasil tuai sayur kebun milik Hamdan.

menanam sayur-sayuran berkenaan.

Menurutnya, jualan hariannya tidak menentu dengan purata RM50 sehari. Hasil jualan tertinggi pernah direkodkan ialah sebanyak RM900 apabila 46 ahli Komuniti Rukun Tetangga (KRT) datang belajar sambil membeli pokok tanaman.

Hamdan berkata, kerja menanam sayur-sayuran berkenaan dilakukannya bersama ahli keluarganya. "Jika menerima banyak tempahan saya sering mengupah pelajar Pendidikan Khas yang pernah menuntut di Kitchen Garden ini selama setahun.

"Saya memulakan usaha berniaga dan berkebun di sekitar rumah pada tahun 2010 ketika baru berpindah ke sini setahun sebelum bersara daripada perkhidmatan TLDM di Lumut.

"Pada mulanya usaha ini dianggap sebagai hobi bagi menggalakkan penduduk setempat bercucuk tanam di sekitar rumah sendiri.

"Lama-kelamaan ramai yang datang membeli sayuran, ulam-ulaman dan herba dengan pendapatan kira-kira RM400 sebulan dan kini mecehah kepada



HAMDAN AHMAD SAPLI (kiri) bersama penulis dan isteri.



RM2,500," katanya dengan rasa syukur kepada Allah yang mengurniakan rezeki berkenaan.

Hamdan memberitau, benih tanaman diperolehinya daripada kedai pertanian di sekitar Pekan Sitiawan di samping rakan-rakannya yang menjalankan kegiatan sama di tempat masing-masing.

Selain permintaan tanah campuran yang semakin meningkat setiap bulan, jumlah pembelian sayuran segar petik terus daripada Kitchen Garden turut bertambah tinggi.

Beliau turut menyediakan kemudahan tandas dan surau untuk kegunaan pengunjungnya yang datang melawat kebunnya.

"Antara cabaran yang dihadapinya ketika menjalankan usaha ini ialah cuaca tidak menentu sehingga menyebabkan tanaman saya rosak," katanya.

Dalam tempoh terdekat ini dia akan mengadakan kursus pertanian yang berkonsepkan kebun dapur dan sudah ramai yang mendaftar sebagai peserta.

Sesiapa yang ingin menyertai kursus berkenaan boleh menghubunginya di talian 019- 5786783.

## UPM bantu masyarakat menerusi pemindahan teknologi

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) akan terus bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam usaha memperkukuh bidang pertanian khususnya dalam konteks pemindahan teknologi kepada kumpulan sasar.

Naib Canselornya, Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Aini Ideris mahu supaya kerjasama tersebut menjadi platform dan pemacu usaha perkongsian teknologi dan penajaan kelayaan negara. "Kami percaya, peranan UPM tidak hanya berlegar dalam konteks output semata-mata tetapi soal keberhasilan," katanya dalam program lawatan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, **Shah Tze Tzin** ke kampus universiti berkenaan di Serdang baru-baru ini.

Beliau memberi contoh hubungan yang terjalin antara UPM dan agensi kementerian berkenaan akan menjadi platform untuk terus mengukuhkan kerjasama khususnya bagi meningkatkan sumbangan universiti dalam konteks

pemindahan ilmu dan penciptaan kemewahan negara.

Beliau berkata, UPM amat komited untuk terlibat secara aktif kepada keberhasilan pertanian negara, termasuk dalam penggabalan polist pertanian.

Program pertanian sentiasa menjadi nic kepada UPM katanya.



DR. AINI IDERIS

sektor pertanian negara termasuk sekuriti makanan dan tanaman perladangan.

Beliau memberi contoh, penyelidik UPM berjaya membangunkan inovasi *E-cutter* untuk membantu memudahkan kerja-kerja penanaman menuai hasil buah kelapa sawit dengan pantas, tanpa tenaga yang banyak. "*E-cutter*" juga boleh digunakan untuk mencantas batang-batang kelapa sawit

dan kini sejumlah 1,000 unit *E-cutter* ni telah diedarkan kepada petani kelapa sawit di Selangor, ujarnya.

*E-cutter* merupakan inovasi yang dihasilkan penyelidik UPM dengan percubaan awal penggunaannya dimulakan di Felda Sungai Tinggi, Selatan Hulu Selangor dihasilkan oleh penyelidik Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan UPM Dr. Norhisam Misron dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bermula 2009.

Mesin tersebut juga dapat mengurangkan penggunaan tenaga manusia dan seterusnya meningkatkan produktiviti kerja-kerja di ladang sawit.

Dalam pada itu Tze Tzin berharap, UPM akan terus memperkasakan lagi bidang pertanian dengan melibatkan lebih ramai golongan belia menceburi bidang tersebut.

Justeru katanya, maklumat berkaitan geran bantuan, latihan dan seumpamanya mesti disalurkan kepada mereka. "Golongan belia, termasuk daripada kalangan lepasan institusi pengajian tinggi

perlu dilatih dan dibimbing untuk menjadi petani yang berjaya," katanya.

Beliau berkata, sokongan berterusan UPM dalam pembangunan sektor pertanian dan makanan negara melalui penghasilan modal insan, penyelidikan dan inovasi serta pemindahan ilmu dan teknologi telah menyumbang kepada pertumbuhan sektor pertanian.

Katanya, bidang pertanian boleh memberi pulangan pendapatan yang baik jika diusahakan secara bertanggung-sungguh selepas mengikuti program-program latihan yang berkaitan.

### INFO

- Di UPM, terdapat entiti akademik yang ditubuhkan secara berasingan untuk menjalankan aktiviti akademik mengikut objektifnya
- Enam belas fakulti, termasuk Kampus Bintulu, Sarawak
- Sembilan Institut
- Sebuah akademi
- Dua sekolah pengajian siswazah.

### Kelebihan *e-cutter* (pemotong elektrik):

- ☛ Menggunakan sistem hibrid iaitu menggunakan enjin dan motor elektrik
- ☛ Kurang gegaran dan pengguna akan berasakan mesin itu lebih mantap
- ☛ Panjang boleh laras
- ☛ Merupakan mesin pencantas elektrik yang digunakan untuk menuai buah dan mencantas pelepah sawit.
- ☛ Inovasi yang menggabungkan konsep pacuan kuasa elektrik dan mekanikal bagi menggerakkan alat pemotong yang dipasang di hujung gahak komposit.



SIM TZE TZIN diberi penerangan mengenai fungsi *e-cutter* oleh Norhisam Misron (kanan) sambil diperhatikan oleh Aini Ideris di Serdang baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2019	HARAKAH	NEGERI	N13

## Zon akuakultur di Danau Tok Uban

Oleh **MUHAMMAD ARIF ISMAIL**

**PASIR MAS:** Danau Tok Uban akan dijadikan sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA) dengan kerjasama kerajaan Persekutuan.

Anggota Exco Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pembangunan tasik tersebut akan dilengkapi fasiliti sebagai zon industri akuakultur.

“Cadangan turut diangkat kepada kementerian bagi membantu penduduk yang berminat program pelancongan agro,” katanya ketika mengadakan pertemuan dengan 35 penternak di Danau Tok Uban baru-baru ini.

Pada kunjungan itu beliau juga menyerahkan benih ikan kepada penternak ikan air tawar di Danau Tok Uban.

Turut hadir Ketua Jajahan Pasir Mas Mohd Anis Bin Hussein; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan Engku Rajhan Engku Ismail dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kamal Mus-

tapha.

Tuan Mohd Saripudin juga berkata, sebanyak RM150,000 diperuntukan bagi menambah 100 lagi sangkar bagi menternak ikan air tawar di Danau Tok Uban.

Pegawai Jabatan Perikanan Mohd Syukri Yusof memberitahu lebih 80 tan metrik ikan dihasilkan di danau tersebut. Pada 2016 pengeluaran ikan kurang lima tan metrik.

“Jajahan Pasir Mas dijadikan hub pengeluaran ikan air tawar diusahakan 35 penternak,” katanya.

Kata beliau ikan yang ternak di situ iaitu patin, keli dan talapia di mana menghasilkan 15 tan metrik setiap kali pengeluaran.

Menurutnya juga di kawasan terbabit boleh disediakan sehingga 400 sangkar bagi meningkatkan pengeluaran ikan air tawar.



**Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail melepas benih ikan dalam sangkar di Danau Tok Uban.**

# Lembu 'hybrid' Kelantan diminati penternak



Tuan Saripudin Tuan Ismail bersama lembu kacukan yang dihasilkan di Kelantan.

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

**KOTA BHARU:** Lembu pedaging atau *hybrid* yang dikenali Naimbif dikeluarkan di Kelantan turut menarik minat penternak dari negeri-negeri lain.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, Dr Suratan Kamarudin berkata, Kelantan merupakan pelopor pengeluaran lembu berkualiti tinggi tersebut.

"Setiap tahun kita membekal induk lembu betina yang berkualiti kepada penternak bagi melahirkan lembu *hybrid*."

"Lembu *hybrid* mendapat sambutan baik penternak dari Selangor, Pulau Pinang dan Kedah. Mereka datang mencari baka itu untuk dibawa pulang," katanya di sini.

Dr Suratan juga berkata Jabatan Veterinar Kelantan sedang mempromosi kaedah penternakan Naimbif yang dilakukan secara 'bridlot'.

Menurutnya induk baka kacukan charolais generasi F2 dan F3 sebagai asas pembiakan lembu Naimbif yang terbukti berkualiti dan bermilai tinggi di pasaran.

Kata beliau lembu Naimbif diternak secara bridlot dalam sangkar dan dilakukan kaedah permelian beradas.

"Naimbif mempunyai potensi untuk terus berkembang. Kami sedang berusaha menambahbaik lagi mutu pengeluarannya."

"Jabatan juga menubuhkan badan pengawasan akre-

ditasi bagi menentukan kelayakan bagi penganugerahan, penarikan, pengauditan serta pemantauan kaedah Naimbif," ujarnya.

Beliau juga berkata, barga daging lembu Naimbif lebih tinggi berbanding lembu biasa yang dijual di pasaran sekitar RM28 hingga RM30 sekilogram.



Lembu kacukan Kelantan mendapat permintaan tinggi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2019	HARAKAH	FOKUS	F4

# Jelapang Padi Terengganu akan direalisasikan



Dr Azman sedang berucap.

Oleh DZAKARIA MOHD SALLEH  
Foto HIDAYAH AZLIN

**SETIU:** Kerajaan Negeri Terengganu akan berusaha untuk menyelesaikan masalah sekian lama yang dihadapi pesawah terutama di tempat yang telah disyiharkan sebagai kawasan Jelapang Padi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa, Dr Azman Ibrahim berkata kerjasama daripada semua pihak boleh menyelesaikan masalah yang timbul secara berperingkat.

"Kita letak satu sasaran dalam tempoh usia kerajaan penggal ini kita boleh selesaikan, insya-Allah."

"Saya rasa bukan satu sasaran jangka panjang, tetapi satu yang munasabah dalam ruang lingkup kita memegang amanah rakyat." ujarnya ketika ditemui selepas majlis dialog bersama para petani di kawasan Jelapang Padi, Langkap pada 12 Mac.

Menurutnya lagi masalah pemilikan tanah, pengairan, isu tanah gambut yang sukar dimasuki jentera memajak ataupun jentera mesin padi merupakan masalah yang dihadapi oleh petani.

"Kita sudah turun tinjau sebahagian besar kawasan pengairan untuk meneliti dengan lebih dekat lagi permasalahan yang ada bagi kita membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil."

"Kita menyantuni semua ini dengan sebaiknya kalau pun tidak semua yang mampu di selesaikan sekurang-kurangnya kita mampu untuk menyelesaikan sebahagian," tegasnya lagi.

Antara pegawai yang turut sama dalam tinjauan yang dilakukan ialah pegawai dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri, Jabatan Pertanian, Lembaga pertubuhan Peladang, Beras Nasional (BERNAS) serta Jurutera JPS, Jabatan Kerja



DR Azman memberi penerangan masalah yang dihadapi oleh pesawah padi.

Raya (JKR) dan Pegawai Pejabat Daerah Setiu.

"Insya-Allah matlamat kita supaya kawasan ini benar-benar

menjadi tempat pengeluaran padi negara yang akhirnya akan menjadi sumber jaminan makanan (*Food Security*) bagi

kita realisasikan." ujarnya yang berpuashati dengan program turun padang yang diadakan di kawasan Jelapang padi itu.



Keluhan petani menjadi keutamaan untuk didengar, dilatasi.



Kehadiran ramai ke majlis dialog.